



PEMBANBU TADBIR  
UNIT BANGUNAN

NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 44  
Bil. 15

18hb Julai 1991

TAMBAHAN No. 12  
PERUNDANGAN

PR. P.U. 23.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL KERJATANAH  
(MAJLIS DAERAH KERIAN) 1991

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

Undang-undang kecil

1. Nama, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II  
MENGEMUKAKAN PELAN-PELAN

3. Pelan-pelan kerjatanah hendaklah dikemukakan dan diperakui.
4. Kewajipan-kewajipan jurutera.
5. Pelan-pelan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan.
6. Laporan pelan-pelan dan butir-butir hendaklah dikemukakan.



7. Pelan-pelan boleh dikemukakan secara berasingan.
8. Kerja cerucuk.
9. Jurutera hendaklah mengawas paras bunyi dan mengemukakan laporan mingguan mengenai pengawasan itu.
10. Tatasusila amalan yang berkaitan hendaklah dipatuhi.

### BAHAGIAN III

#### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNG DENGAN KERJATANAH ASAS

11. Kehendak mengenai cerucuk sasak keping keluli.
12. Tanah hendaklah disiasat dan aras mata air hendaklah ditentukan.

### BAHAGIAN IV

#### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNG DENGAN KERJATANAH AM

13. Permohonan berasingan untuk kerja pecah batu.
14. Pokok-pokok tidak boleh ditebang sehingga tapak sedia untuk diusahakan.
15. Kerjatanah melebihi 3.5 meter.
16. Menjalankan kerjatanah secara berperingkat-peringkat.
17. Syarat-syarat boleh dikenakan pada bila-bila masa sebelum kerja boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya.
18. Pelan-pelan, penentuan lanjut dan sebagainya jika dikehendaki.
19. Pengangkutan.
20. Kenderaan untuk kegunaan mengangkut bahan-bahan.
21. Pemeriksaan pelan-pelan.
22. Kesalahan-kesalahan.
23. Pengecualian.

JADUAL-JADUAL.

## AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL KERJATANAH  
(MAJLIS DAERAH KERIAN) 1991

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen kecil (17) Seksyen 70A, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Majlis Daerah Kerian dengan ini membuat undang-undang kecil yang berikut:

Akta 133.

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kerjatanah (Majlis Daerah Kerian) 1991** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kerian sahaja dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Nama, Pemakaian dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“Akta” ertinya Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974;

Akta 133.

“Jurutera” ertinya seorang Jurutera Profesional yang didaftarkan bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 dan menjalankan amalan dengan kelulusan bertulis daripada Lembaga Jurutera;

Akta 138.

“kenderaan” hendaklah mempunyai erti yang sama seperti yang diberi kepadanya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987;

Akta 333.

“kerjatanah” termasuklah apa-apa perbuatan mengorek, merata, menimbus dengan apa-apa bahan, menanam cerucuk, membina asas atau menebang pokok atas mana-mana tanah atau apa-apa perbuatan lain yang menyentuh atau mengganggu mana-mana tanah;

“kerjatanah asas tapak” termasuklah pembinaan asas tapak, tingkat bawah tanah, binagalas, tambatan bumi, cerucuk, batu sendi dan peparit;

“kerjatanah kecil” ertinya mana-mana kerja tanah yang ditetapkan dalam Jadual Kedua; dan

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Kerian.

## BAHAGIAN II

## MENGEMUKAKAN PELAN-PELAN

3. (1) Pelan-pelan berhubung dengan kerjatanah yang dikehendaki dikemukakan di bawah seksyen 70A Akta itu hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan borang permohonan dalam Borang A Jadual Ketiga dan hendaklah disertakan dengan fee seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan hendaklah mengandungi butir-butir yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil ini.

Pelan-pelan kerjatanah hendaklah dikemukakan dan diperakui.



(2) Pelan-pelan itu hendaklah dikemukakan setelah ditandatangani dengan sempurna oleh seorang jurutera yang mempunyai kelulusan dalam kejuruteraan awam dan hendaklah—

(a) mengandungi suatu perakuan yang dibuat olehnya menyatakan bahawa penentuan-penentuan dan butir-butir yang terkandung di dalamnya itu adalah betul; dan

(b) ditandatangani timbal oleh pemunya tanah yang berkenaan itu atau ejennya yang diberikuasa olehnya secara bertulis dan hendaklah menggunakan alamat penuh pemunya itu atau ejen itu, mengikut mana yang berkenaan.

(3) Pelan-pelan dan penentuan-penentuan yang diluluskan oleh Majlis boleh dikemukakan semula untuk dipinda atau diubah tetapi dalam hal yang demikian kehendak-kehendak di bawah perenggan (2) hendaklah dipakai *mutatis mutandis*.

(4) Melainkan kerjatanah dimulakan dalam tempoh dua belas bulan selepas diluluskan semua pelan dan penentuan berkenaan dengannya yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil 7, tiap-tiap kelulusan bagi pelan dan penentuan itu hendaklah luput apabila tamat tempoh tersebut, tetapi Majlis atas permohonan yang dibuat kepadanya sebelum tamat tempoh tersebut, boleh melanjutkan tempoh itu seperti yang difikirkan patut olehnya tertakluk kepada pembayaran fee seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

4. (1) Jurutera yang mengemukakan pelan-pelan di bawah Undang-Undang Kecil 3 hendaklah bertanggungjawab atas pelaksanaan yang sempurna bagi kerjatanah itu dan hendaklah terus bertanggungjawab sedemikian sehingga selesai kerjatanah itu melainkan jika—

(a) dengan persetujuan Majlis seorang jurutera lain dilantik untuk mengambilalih; atau

(b) Majlis bersetuju jurutera itu menarik diri.

(2) Jika Majlis bersetuju menerima penarikan diri seorang jurutera di bawah perenggan (1) (b) kerjatanah itu tidak boleh dimulakan atau diteruskan sehingga seorang jurutera lain dilantik untuk mengambilalih.

(3) Jurutera yang mengemukakan pelan-pelan itu hendaklah menjalankan penyeliaan-penyeliaan dan membuat apa-apa pemeriksaan yang perlu untuk memastikan kerjatanah itu dijalankan mengikut pelan-pelan, spesifikasi, arahan-arahan, pindaan-pindaan atau syarat-syarat yang dikenakan oleh Majlis dan pada amnya mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang kecil ini.

(4) Jurutera yang mengemukakan pelan-pelan itu hendaklah memberitahu Majlis dalam Borang B Jadual Ketiga tarikh yang dicadangkan untuk pelaksanaan kerjatanah itu.

(5) Jurutera yang mengemukakan pelan-pelan itu hendaklah dalam masa satu minggu selepas selesai kerjatanah itu memberitahu kepada Majlis dan mengesahkan dalam Borang D Jadual Ketiga bahawa kerjatanah itu telah selesai.

(6) Perenggan (1) undang-undang kecil ini tidak boleh ditafsirkan sebagai melepaskan tanggungjawab seseorang daripada peruntukan-peruntukan seksyen 71 Akta.

(7) Walaupun mana-mana pelan, lukisan atau kiraan-kiraan telah diluluskan oleh Majlis, tanggungjawab kerana kegagalan pada mana-mana bahagian-bahagian kerjatanah itu hendaklah *prima facie* terletak atas orang yang mengemukakan pelan, lukisan atau kiraan-kiraan tersebut.

(8) Bagi maksud undang-undang kecil ini istilah "jurutera yang mengemukakan pelan-pelan itu" adalah termasuk jurutera yang dilantik untuk mengambilalih.

5. (1) Semua pelan-pelan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan atau seberapa banyak salinan sepertimana yang dikehendaki oleh Majlis.

Pelan-pelan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan.

(2) Satu set pelan-pelan hendaklah terdiri dari bahan linen atau jenis lain yang tahan lasak dan bersama-sama satu set lain akan disimpan oleh Majlis dan set yang ketiga akan dikembalikan kepada orang yang mengemukakan pelan tersebut setelah diluluskan.

(3) Jika pelan-pelan tidak diluluskan, satu set pelan-pelan tersebut hendaklah dikembalikan kepada orang yang mengemukakan pelan-pelan tersebut.

6. Melainkan jika dikecualikan oleh Majlis, laporan-laporan, pelan-pelan, spesifikasi dan butir-butir yang berikut hendaklah dikemukakan:

Laporan pelan-pelan dan butir-butir hendaklah dikemukakan.

(1) laporan penilaian permulaan tapak bersama dengan detail-detail mengenai langkah untuk mengawal hakisan dan pemendakan;

(2) suatu pelan tapak yang dibuat mengikut skala yang tidak kurang daripada 1 : 1000 menunjukkan dengan warna jelas tapak kerjatanah, jalan masuk, alurutama, alurair semulajadi, parit dan tanah-tanah yang bersambungan atau sebahagiannya menunjukkan skala yang digunakan dan tanda arah utara;

(3) pelan-pelan pada kontor 1.5 meter menunjukkan tanah di mana kerjatanah itu akan dijalankan dan tanah yang bersambungan dengannya mengikut skala tidak kurang daripada 1 : 500;

(4) pelan-pelan mengikut skala tidak kurang daripada 1 : 500 menunjukkan—

(a) aras siap pembentukan termasuklah—

(i) aras platform untuk bangunan atau bangunan-bangunan;

(ii) aras siap jalan.

(iii) aras perut parit dan lintasan;

(iv) tempat alir keluar saliran;

- (b) tutupah atau lecongah bagi mana-mana alurutama dan alurair semulajadi atau pembaikan-pembaikan padanya;
  - (c) apa-apa pengorekan, pemotongan atau penimbusan yang melebihi 2.5 meter dalam atau tinggi;
  - (d) perlindungan bagi kerjatanah itu daripada hakisan, termasuk perlindungan semasa kerjatanah itu berterusan;
  - (e) cadangan bagi pengawalan habuk-habuk yang mungkin timbul disebabkan oleh kerjatanah; dan
  - (f) peruntukan penahan enap, termasuklah peruntukan semasa kerjatanah itu berterusan.
- (5) cara pengorekan, perataan, penimbusan, cerucuk pelindung atau apa-apa proses teknik bumi yang lain;
  - (6) jadual bagi kerjatanah dan susunan dalam mana kerjatanah itu akan diperingkat-peringkatkan;
  - (7) amaun tanah yang hendak dikorek dan tempat di mana tanah yang dikorek hendak diletakkan atau tanah yang hendak digunakan untuk penimbusan hendak didapatkan dan disertakan dengan kelulusan yang diberi oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi memindahkan tanah itu;
  - (8) langkah berjaga-jaga yang diambil bagi melindungi tanah, bangunan, jalan dan lain-lain harta yang bersambungan;
  - (9) langkah-langkah perlu diambil untuk menghalang kenderaan yang membawa tanah daripada mengotorkan jalan-jalan yang bersebelahan;
  - (10) pelan-pelan terperinci mengikut skala tidak kurang daripada 1:50 dan spesifikasi bagi cerucuk sasak keping atau lain-lain struktur penahan atau penstabilan cerun yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil ini; dan
  - (11) jika berkaitan kiraan-kiraan dan segala aras bumi kontor yang tersebut dalam undang-undang kecil ini hendaklah dibuat dengan merujuk kepada paras datum ordinan.
7. Pelan-pelan dan spesifikasi yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil 6 boleh, dengan kebenaran Majlis dikemukakan secara berasingan tetapi dalam sesuatu hal yang demikian itu perakuan yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil 3 hendaklah disertakan bersama tiap-tiap satu set pelan dan spesifikasi yang kemudiannya:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa kerjatanah boleh dimulakan sehingga semua pelan dan spesifikasi yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil ini telah diluluskan.

8. Jika kerja cerucuk dicadangkan, pelan-pelan dikemukakan di bawah Undang-Undang Kecil 6 hendaklah juga mengandungi—

- (a) pelan-pelan mengikut skala yang tidak kurang daripada

1:50 dan penentuan bahan untuk cerucuk itu dan cara untuk menjalankan kerja cerucuk itu: dan

- (b) suatu perakuan dibuat oleh jurutera memperakui bahawa paras bunyi akibat daripada kerja-kerja cerucuk itu tidak akan menyebabkan kemarahan dan menjadi suatu kacauganggu kepada penduduk-penduduk di kawasan sekeliling.

9. Jika diarah oleh Majlis, jurutera hendaklah mengawas paras bunyi akibat daripada kerja-kerja cerucuk dan laporan mingguan mengenai pengawasan itu hendaklah diperakui olehnya dan dikemukakan kepada Majlis.

Jurutera  
hendak  
meng-  
awasi  
paras  
bunyi  
dan me-  
laka-  
kan lap-  
oran  
minggu-  
an meng-  
awasi  
pengaw-

10. (1) Dimana juga berkenaan, pelan-pelan, spesifikasi dan kiraan-kiraan yang dikemukakan di bawah undang-undang kecil ini hendaklah mematuhi tata amalan yang berikut seperti yang dipinda dari masa ke semasa:

Tata am-  
alan yang  
hendak-  
dipatuhi.

(a) Penyiasatan tapak—British Standards Code of Practice 2001;

(b) Kerjatanah—British Standards Code of Practice 2003;

(c) Asastapak—British Standards Code of Practice 2004;

(d) Civil Engineering Code of Practice No. 2 on Earth Retaining Structures yang dikeluarkan oleh Institute of Structural Engineers, United Kingdom; dan

(e) Asastapak dan binagalas bagi bangunan-bangunan bukan perindustrian yang tidak melebihi empat tingkat—British Standards Code of Practice 101.

(2) Jika ada dikeluarkan suatu Tatasusila Piawaian Amalan Malaysia yang bersamaan selepas mula berkuatkuasa undang-undang kecil ini maka ia hendaklah menggantikan British Standards Code of Practice mengenai hal perkara yang sama dan hendaklah dipatuhi:

Dengan syarat bahawa ia tidak menyentuh pelan-pelan dan spesifikasi yang telah diluluskan di bawah British Standards Code of Practice atau kerjatanah yang dijalankan di bawahnya.

### BAHAGIAN III

#### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN KERJATANAH ASAS TAPAK

11. (1) Sisi-sisi bagi semua kerjatanah asas tapak hendaklah dilindungi dengan cerucuk sasak keping keluli atau dengan lain-lain cara perlindungan jika Majlis berpuashati dari penentuan-penentuan, rekabentuk-rekabentuk dan kiraan-kiraan yang dikemukakan kepadanya bahawa cara perlindungan alternatif itu adalah sama

Kehendak  
mengenai  
cerucuk  
sasak  
keping  
keluli.



berkesannya atau lebih baik dan akan memberi perlindungan yang mencukupi bagi harta-harta yang bersambungan.

(2) Kehendak-kehendak di bawah perenggan (1) boleh dikecualikan jika Majlis berpuashati bahawa perlindungan itu adalah tidak perlu.

Tanah hendaklah disiasat dan aras mata air hendaklah ditentukan.

12. Penyiasatan tanah hendaklah dijalankan dan aras mata air dalam mana-mana kerjatanah asas hendaklah ditentukan dan jurutera yang mengemukakan pelan-pelan di bawah Undang-Undang Kecil 3 hendaklah mengemukakan laporan-laporan penyiasatan tanah dan hendaklah memperakui bahawa apa-apa perendahan aras mata air tidak akan melibatkan mana-mana harta lain di sekelilingnya.

#### BAHAGIAN IV

##### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNG DENGAN KERJATANAH AM

Permohonan berasingan bagi kerja pecah batu.

13. Jika kerja pecah batu hendak dijalankan di atas tapak kerjatanah, suatu permohonan berasingan secara bertulis hendaklah dibuat oleh jurutera kepada Majlis untuk mendapatkan kelulusan.

Pokok-pokok tidak boleh ditebang sehingga tapak sedia kerjatanah diusahakan melebihi 3.5 meter.

14. Jika ada pokok-pokok di atas tapak kerjatanah, pokok-pokok itu tidak boleh ditebang atau diterangkan sehingga tapak kerjatanah itu telah sedia untuk diusahakan.

15. (1) Segala kerjatanah yang melebihi 3.5 meter tinggi atau dalam hendaklah dilindungi dengan suatu struktur penahan atau penstabilan cerun melainkan jika dikecualikan oleh Majlis.

(2) Mengenai kerjatanah di mana struktur penahan atau penstabilan cerun kekal adalah dikecualikan oleh Majlis; maka hendaklah diadakan struktur-struktur penahan atau penstabilan cerun sementara dalam mana kerja tanah itu berterusan melainkan jika dikecualikan oleh Majlis.

Memperingkatkan kerjatanah.

16. Kerjatanah yang hendak dijalankan hendaklah diperingkatkan mengikut susunan yang dikemukakan di bawah Undang-Undang Kecil 6 (6) dan tiada kerjatanah boleh dimulakan atau diteruskan ke peringkat yang berikutnya melainkan apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis di bawah Undang-Undang Kecil 17 telah dipenuhi dan jurutera yang mengemukakan pelan-pelan itu memperakui secara bertulis bahawa kerjatanah itu tidak mungkin menyebabkan kacauganggu atau kerosakan kepada harta-harta di sekelilingnya.

Syarat-syarat boleh dikemakan pada bila-bila masa sebelum kerja boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya.

17. Majlis boleh, pada bila-bila masa sebelum sesuatu kerjatanah boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya, menghendaki—

- (a) disalir dan dilencongkan alurutama dan alurair semulajadi termasuk mengadakan permatang dan pembetung yang cukup;
- (b) bahawa penahan-penahan enap dan lain-lain kemudahan pengawalan pemendakan diadakan dengan cukup serta disenggara dengan sepatutnya;



- (c) bahawa struktur penahan diadakan di mana perlu;
- (d) bahawa cerun-cerun dilindungi dengan cukup bagi mengelakkan hakisan;
- (e) bahawa segala langkah-langkah yang berkesan diambil untuk mengawal habuk-habuk yang mungkin timbul disebabkan oleh kerjatanah;
- (f) bahawa asas tapak jalan dibina dan permukaan jalan itu disendal bagi mengelakkan enap daripada dihanyutkan ke dalam alurair yang sedia ada; dan
- (g) bahawa timbusan-timbusan dipadatkan;

#### BAHAGIAN V

##### PELBAGAI

18. Majlis boleh, jika difikirkan perlu, menghendaki pelan-pelan, spesifikasi dan butir-butir lanjut dikemukakan atau membuat pindaan-pindaan lanjut kepada pelan-pelan itu atau mengenakan syarat-syarat atau arahan-arahan lanjut yang difikirkan patut olehnya dan arahan-arahan, pindaan atau syarat-syarat itu hendaklah dipatuhi.
19. Semua bahan-bahan yang hendak diangkut kepada dan/atau dari tapak kerjatanah hendaklah diletakkan di suatu tempat dan mengikut arahan dan syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh Majlis.
20. Tiap-tiap orang yang menggunakan apa-apa kenderaan untuk kegunaan mengangkut bahan-bahan kepada dan/atau dari mana-mana tapak kerjatanah hendaklah mendapatkan permit daripada Majlis dan hendaklah—
- (i) memastikan bahawa badan kenderaan itu dalam keadaan yang baik dan tidak ada celah atau lubang dari mana bahan-bahan boleh jatuh;
  - (ii) memastikan bahawa bahan-bahan tidak diisi dalam kenderaan itu melebihi ketinggian sisi-sisi kenderaan itu;
  - (iii) menutup bahan-bahan dengan kain tarpal, plastik, kanvas atau lain-lain jenis kain yang sesuai;
  - (iv) memastikan bahawa roda-roda dan tayar-tayar kenderaan itu dibersihkan sebelum kenderaan itu dibenarkan masuk ke mana-mana jalan atau tempat awam; dan
  - (v) menggunakan jalan-jalan yang ditetapkan oleh Majlis dan mematuhi semua syarat-syarat lain yang ditentukan oleh Majlis.
21. (1) Sesuatu pelan yang telah diluluskan boleh diperiksa di Pejabat Majlis dengan membayar fee seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.
- (2) Dengan kelulusan bertulis orang yang mengemukakan pelan-pelan dan dengan membayar fee yang ditetapkan dalam Jadual

Pelan-pelan spesifikasi lanjut dan sebagainya jika dikehendaki.

Pengangkutan.

Kenderaan untuk kegunaan mengangkut bahan-bahan.

Kenderaan hendaklah dalam keadaan baik.

Ketinggian mutuan.

Pungutan hendaklah ditutup.

Roda-roda dan tayar-tayar hendaklah dibersihkan.

Jalan-jalan yang boleh digunakan dan syarat-syarat lain.

Pemeriksaan pelan-pelan.

Pertama, pelan-pelan boleh disalin dan pelan-pelan itu boleh diperakui sebagai salinan yang benar dengan membayar fee yang ditetapkan dalam Jadual itu.

Kesalahan-kesalahan

22. Sesiapa jua yang—

- (a) dengan diketahuinya atau dengan cuai mengemukakan pelan-pelan, penentuan-penentuan, kiraan-kiraan atau butir-butir yang palsu dalam apa-apa butir matan atau memberi perakuan yang dikehendaki di bawah Jadual Kedua secara palsu;
- (b) tanpa sebab yang munasabah tidak mematuhi apa-apa arahan, pindaan atau syarat yang diberi atau dikenakan di bawah undang-undang kecil ini;
- (c) tanpa sebab yang munasabah tidak memberi notis yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil 4 (4) dan 4 (5); atau
- (d) melanggar apa-apa peruntukan undang-undang kecil ini;

adalah bersalah atas suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini.

Pengecualian

23. Undang-undang kecil ini tidak terpakai bagi:

- (a) kerjatanah yang dijalankan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan lombong;
- (b) kerjatanah yang dijalankan bagi maksud pertanian;
- (c) kerjatanah kecil seperti yang ditentukan dalam Jadual Kedua, dengan syarat bagi butiran 4, 5 dan 6 Jadual tersebut pengecualian hanya akan diberi jika Jurutera mengemukakan suatu perakuan dalam Borang C Jadual Ketiga dan diluluskan oleh Majlis;
- (d) kerjatanah yang dimulakan atau dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan Malaysia atau sebuah Kerajaan Negeri.

Diperbuat pada 1hb Februari 1991.  
[M.D. Kerian 1555; P.U. Pk. 36/76.]

HAI HASAN BIN ABDULLAH,  
Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Kerian

JADUAL PERTAMA  
BAYARAN

1. Kerjatanah asastapak hingga \$0.10 bagi tiap-tiap satu beberapa dalam di bawah aras meter padu tanah yang sedia ada yang tinggi terlibat dengan suatu sekali bayaran minimum \$50.00

2. Kerjatanah am	\$50.00 tiap-tiap 1/2 hektar atau sebahagian daripadanya
3. Melanjutkan tempoh sah	20% fee asal
4. Pemeriksaan pelan yang telah diluluskan	\$6.00
5. Menyalin satu set pelan-pelan dengan kelulusan orang yang mengemukakannya	\$24.00
6. Memperakui salinan yang benar satu set pelan-pelan	\$10.00
7. Pindaan kepada pelan yang diluluskan	Fee minimum sebanyak \$50.00 beserta dengan fee yang ditentukan bagi sebarang kuantiti tambahan meter isipadu tanah yang terlibat (bagi kerja tanah asas) daripada kawasan tambahan yang terlibat (untuk kerjatanah amnya)

JADUAL KEDUA  
(Undang-Undang Kecil 3 dan 23)

KERJATANAH KECIL

1. Mengorek untuk landskap tanpa struktur sedalam tidak melebihi 3.5 meter.
2. Mengorek untuk menanam atau membantun pokok-pokok atau tiang-tiang sedalam tidak melebihi 3.5 meter.
3. Mengorek untuk pembinaan lurang dan memasang paip sedalam tidak melebihi 3.5 meter.
4. Mengorek untuk lubang asastapak tidak melebihi 3.5 meter kali 3.5 meter untuk bangunan kediaman yang sekurang-kurangnya 3.5 meter jauh dari sempadan dan tidak melebihi 3.5 meter ke dalam.
5. Mengorek untuk asastapak yang tidak melebihi 3.5 meter ke dalam jikalau pengorekan itu bukan untuk maksud pembinaan tingkat bawah tanah dan di situ tidak ada bangunan di harta bersebelahan.
6. Mengorek dalam tapak tidak melebihi 3.5 meter ke dalam dan melebihi 3.5 meter jauh dari sempadan dan untuk pengorekan itu cerucuk tidak dikehendaki.

JADUAL KETIGA  
 BORANG-BORANG  
 AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974  
 UNDANG-UNDANG KECIL KERJATANAH  
 (MAJLIS DAERAH KERIAN) 1991  
 BORANG A  
 MENGEMUKAKAN PELAN-PELAN UNTUK KERJATANAH  
 (Undang-Undang Kecil 3 (1))

Yang Dipertua, Majlis Daerah Kerian.

Saya/Kami dengan ini memohon untuk kerja yang dicadangkan berikut:

.....  
 .....  
 bagi pihak (Nama Pemunya/Pemaju).....

Lukisan No.....

Kiraan-kiraan dan penentuan-penentuan adalah dikemukakan rekabentuk-rekabentuk, penentuan-penentuan dan perjalanan tersebut.

Tandatangan.....  
 Nama.....  
 Profesion.....  
 Alamat.....  
 No. Pendaftaran Lembaga Jurutera.....

Tarikh.....

Yang Dipertua, Majlis Daerah Kerian.

Saya/Kami Pemunya/Pemaju Projek yang tersebut di atas dengan ini mengesahkan bahawa jurutera

Nama.....

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera-Jurutera.....

Alamat.....

telah dilantik untuk mengemukakan pelan-pelan bagi pihak kami.

Saya/Kami dengan ini berakujanji seperti berikut:

1. Nama dan alamat jurutera yang bertanggungjawab menyelia kerja akan dikemukakan kepada tuan semulaan kerja tersebut.
2. Saya/Kami akan mematuhi dengan sepenuhnya ketika Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Kerjatanah (Majlis Daerah Kerian) 1991.

- 3. Pegawai-pegawai Majlis berhak untuk memasuki pada bila-bila masa yang munasabah untuk memeriksa kerja- stor bahan-bahan dan tapak di mana kerja itu dijalankan.
- 4. Saya/Kami akan bersesama dan berasingan bertanggungjawab dengan jurutera bagi apa-apa kerosakan harta-harta dan lain-lain yang akibat daripada pembinaan kerja tersebut.

Tandatangan.....  
 Nama.....  
 Alamat.....  
 .....

tarikh.....

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974  
 UNDANG-UNDANG KECIL KERJATANAH  
 (Majlis Daerah Kerian) 1991

BORANG B

NOTIS MEMULAKAN KERJATANAH  
 (Undang-Undang Kecil 4 (4))

.....19.....

Yang Dipertua, Majlis Daerah Kerian.

Saya memberi notis bahawa selepas tamat tempoh empat hari dari tarikh notis ini diterima saya bercadang untuk memulakan kerjatanah berikut:

.....  
 Lot/Lot-lot.....  
 Mukim.....  
 Alan.....  
 Bagi.....  
 menurut Pelan yang diluluskan No.....

Bertarikh.....

.....  
 Jurutera yang mengemukakan

Nama.....  
 Profesion.....  
 Alamat.....  
 No. Pendaftaran Lembaga Jurutera-Jurutera.....

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL KERJATANAH  
(MAJLIS DAERAH KERIAN) 1991

BORANG C

PERAKUAN KERJATANAH KECIL

(Undang-Undang Kecil 23 (c))

(Dikemukakan dalam dua salinan)

Yang Dipertua, Majlis Daerah Kerian,

Saya memperakui bahawa kerja penggalian yang akan dijalankan  
atas lot/lot-lot.....?

Seksyen/Mukim.....

Jalan.....

bagi.....

ialah kerjatanah yang bersifat kecil menurut Jadual Kedua Undang-  
Undang Kecil Kerjatanah (Majlis Daerah Kerian) 1991.

2. Saya difahamkan bahawa pengecualian dari kehendak-  
kehendak Undang-Undang Kecil Kerjatanah (Majlis Daerah Kerian)  
1991 tidak akan melepaskan saya dari tanggungjawab ke atas mana-  
mana pihak untuk kerosakan yang disebabkan oleh kerjatanah  
tersebut.

3. Saya bersetuju juga menggantirugi dan terus menggantirugi  
Majlis Daerah Kerian untuk apa-apa tuntutan, kerosakan, kerugian,  
tindakan atau prosiding yang boleh diambil terhadapnya yang  
disebabkan oleh dan akibat daripada kerjatanah tersebut.

Tarikh.....

Jurutera

Nama.....

Profesion.....

Alamat.....

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera-Jurutera:

Dengan pengesahan yang diberi oleh orang yang mengemukakan  
perkara yang tersebut di atas, saya dengan ini bersetuju  
mengecualikan kerja-kerja tersebut dari peruntukan undang-undang

kecil ini. Ianya adalah kerjatanah yang bersifat kecil menurut Jadual Kedua Undang-Undang Kecil Kerjatanah (Majlis Daerah Kerian) 1991.

Tarikh.....

.....  
*Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Kerian*

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974  
UNDANG-UNDANG KECIL KERJATANAH  
(MAJLIS DAERAH KERIAN) 1991

*BORANG D*

NOTIS DAN PENGESAHAN PENYEMPURNAAN KERJATANAH  
(Undang-Undang Kecil 4 (5))

.....19.....

Yang Dipertua, Majlis Daerah Kerian,  
Adalah dimaklumkan bahawa kerjatanah yang dibuat di lot/  
lot-lot.....Seksyen/Mukim.....  
Jalan.....  
bagi.....

telah siap menurut pelan yang diluluskan No.....

Bertarikh.....

2. Saya memperakui bahawa saya telah mengawasi kerjatanah tersebut dan sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, kerja-kerja itu adalah menurut Pelan-pelan yang diluluskan dan saya setuju terima tanggungjawab sepenuhnya dengan sewajarnya ke atas bahagian-bahagian yang baginya saya adalah berkenaan.

.....  
*Jurutera*

Nama.....

Profesion.....

Alamat.....

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera-Jurutera.....

Diperbuat pada 1hb Februari 1991.  
[M.D. Kerian 1555; P.U. Pk. 36/76.]

Haji Hasan Bin Abdullah,  
*Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Kerian*